

## Bapa Suci seru Gereja dengar tangisan dunia

**TAKHTA SUCI:** Sri Paus Fransiskus menutup Sinode global pada hari Minggu, Oktober 27, 2024 di Basilika Sto Petrus Vatikan. Bapa Suci menyeru agar Gereja “mendengar tangisan dunia” tanpa menjadi “buta” terhadap isu-isu yang dihadapi zaman kita.

Katanya, Gereja sinodal harus “bergerak” mengikuti Kristus dalam melayani mereka yang memerlukan.

“Kita tidak memerlukan Gereja yang tidak banyak bergerak dan mengalah, tetapi kita memerlukan Gereja yang mendengar seruan dunia, dan berjuang untuk melayani Tuhan,” kata Sri Paus.

Sri Paus menekankan bahawa Gereja tidak dapat tetap diam di hadapan “pertanyaan-pertanyaan yang diajukan oleh para lelaki dan wanita masa kini. Cabaran hari ini mempunyai keperluan yang mendesak, Gereja perlu sedar bahawa banyak “kelukaan” yang menimpa umat manusia.

### **Kita perlu Gereja yang merangkul semua, bukan Gereja yang buta**

“Saudara-saudari, kita tidak memerlukan Gereja yang tidak banyak bergerak, tetapi Gereja yang berdiri. Bukan Gereja yang diam, tetapi Gereja yang merangkul seruan umat manusia. Bukan Gereja yang buta, tetapi Gereja yang diterangi oleh Kristus, yang membawa terang Injil kepada orang lain. Bukan Gereja yang statik, tetapi Gereja misionari yang berjalan bersama Tuhan melalui jalan-jalan di dunia,” katanya.

Sidang Umum Biasa ke-16 Sinode Para Uskup kali kedua, telah bermula pada Oktober 2 yang berfokus pada tema “Untuk Gereja Sinodal: Persekutuan, Partisipasi, dan Misi.

Sesi itu merupakan fasa penting dalam proses sinodal global Gereja, yang bermula tiga tahun lalu.

Perwakilan Sinode menghasilkan dokumen akhir setebal 52 halaman yang mengemukakan cadangan untuk pembaharuan Gereja. Dokumen itu termasuk cadangan untuk peranan kepimpinan wanita yang diperluaskan, penyertaan awam yang lebih besar dalam membuat keputusan dan pembaharuan struktur yang penting.

Bapa Suci juga mengumumkan bahawa beliau akan berhenti mengeluarkan seruan apostolik pasca sinodal. Sebaliknya, beliau memilih untuk mengesahkan dokumen akhir sinodal, yang secara langsung menerapkan kesimpulan sidang.

Walaupun sesi sinode telah tamat, 10 kumpulan pengajian sinode akan terus meneliti persoalan diakon wanita dan topik utama lain sehingga Jun 2025.

### **Melihat penderitaan dunia melalui terang Injil**

Dalam homilinya, Sri Paus Fransiskus merenungkan kisah Injil Markus tentang Yesus yang menyembuhkan seorang buta bernama Bartimeus.

Sangti Papa berkata bahawa “Bartimeus yang buta melambangkan kebutaan batin, membuat manusia terpacu di sebuah tempat, statik dan menghancurkan harapan.”

“Begitu banyak perkara di sepanjang jalan boleh menyebabkan kita buta, tidak dapat menyedari kehadiran Tuhan, tidak bersedia untuk menghadapi cabaran realiti, kadang-kadang tidak dapat memberikan jawapan yang mencukupi kepada soalan ramai orang yang bertanya kepada kita,” kata Sri Paus.

“Gereja yang tidak banyak bergerak, yang secara tidak sengaja menarik diri daripada realiti kehidupan adalah Gereja yang berisiko kebutaan tetap dan selesa dengan kegelisahan-



Sri Paus Fransiskus menghormati relik takhta Sto Petrus semasa Misa Penutupan Sinode tentang Sinodaliti di Basilika Sto Petrus, Oktober 27, 2024. Gambar: CNA

nya,” katanya.

“Jika kita tetap terjebak dalam kebutaan kita, kita akan terus gagal memahami keperluan mendesak untuk memberikan respons pastoral terhadap banyak masalah di dunia kita.”

Uskup Roma itu menggambarkan gambaran “Gereja sinodal” sebagai Gereja di mana “Tuhan memanggil kita, mengangkat kita semasa kita duduk atau terjatuh, memulihkan penglihatan kita sehingga kita dapat memahami kesukaran dan penderitaan dunia dalam terang Injil.”

“Marilah kita mengingati untuk tidak pernah berjalan sendiri tetapi sebaliknya berjalan dengan “mengikuti Yesus di sepanjang jalan.”

### **Simbol kewibawaan — baldacchino**

Di altar, Kardinal Mario Grech, setiausaha agung Sekretariat Sinode, bertindak sebagai selebran utama. Lebih 300 paderi dan uskup, 70 kardinal, dan sembilan patriark memimpin Misa penutupan sinode di bawah kanopi baldacchino, karya Gian Lorenzo Bernini yang baru saja dipulihkan di atas altar utama.

Kanopi gangsa berukiran berat berusia 400 tahun yang direka oleh Bernini untuk dirasmikan dalam Misa, selepas ia dibaik pulih. Tiang-tiangnya yang berpilin berkilauan dengan malaikat Barok yang dihias dengan kerub, lebah, dan cabang

pohon laurel emas.

“Saat kita mengagumi baldacchino, karya Bernini, yang lebih agung dari sebelumnya, kita dapat menemukan kembali bahawa itu membingkai titik fokus sejati seluruh basilika, iaitu kemuliaan Roh Kudus,” kata Sri Paus.

“Ini adalah Gereja sinodal: sebuah komuniti yang keutamaannya terletak pada karunia Roh, yang menjadikan kita semua bersaudara di dalam Kristus dan mengangkat kita kepada-Nya.”

### **Relik kerusi/takhta Sto Petrus**

Semasa Misa berakhir, Sri Paus Fransiskus dari kerusi rodanya, memimpin umat beriman dalam penghormatan terhadap relik kerusi atau takhta Santo Petrus. Kerusi kayu yang melambangkan takhta kepausan. Relik itu dijangka akan berada di Basilika Santo Petrus untuk penghormatan awam, hingga Disember 8, 2024.

“Hari ini, saat kita bersyukur kepada Tuhan atas perjalanan yang telah kita lalui bersama, kita akan dapat melihat dan memuliakan relik kerusi kuno Santo Petrus yang telah dibaik pulih dengan hati-hati,” kata Sri Paus Fransiskus.

“Saat kita merenungkannya dengan keajaiban iman, marilah kita ingat bahawa ini adalah Kerusi Kasih, Kerusi Persatuan dan Kerusi Belas kasih.” CNA

# Petikan-petikan inspiratif dari Dilexit Nos

Berikut adalah beberapa petikan paling inspiratif daripada Sri Paus Fransiskus dalam ensiklik terbaharunya, “*Dilexit Nos*”

- “Penampilan palsu dan kebohongan hanyalah sia-sia. Penampilan, ketidakjujuran, dan penipuan adalah membahayakan serta memesongkan hati. Di sebalik setiap percubaan kita untuk melakukan sesuatu yang bukan diri kita, hati kita ialah hakim utama.

- Kitab Amsal 4: 24 mengingatkan kita, “*Jagalah hatimu dengan segala kewaspadaan, kerana dari situlah terpancar kehidupan. Buanglah mulut serong dari padamu dan jauhkanlah bibir yang dolak-dalik dari padamu.* Hati ialah asas untuk mana-mana projek kehidupan yang baik; tiada yang berharga selain dari hati.” (No. 6).

- “Jika kita gagal untuk menghargai kekhususan hati, kita terlepas daripada memahami kekayaan pertemuan kita dengan orang lain. Kita juga kehilangan jejak sejarah dan masa lalu kita sendiri, kerana sejarah peribadi kita yang sebenar dibina dengan hati.” (No. 11).

- “Hati Kristus adalah ‘ekstasi,’ keterbukaan, pemberian, dan pertemuan. Dalam hati itu, kita belajar untuk berhubung antara satu sama lain dengan cara yang sihat dan bahagia, dan untuk membina kerajaan kasih dan keadilan Tuhan di dunia ini. Hati kita, bersatu dengan hati Kristus, mampu melakukan keajaiban sosial ini.” (No. 28).

- “Di hadapan hati Kristus, saya sekali lagi memohon kepada Tuhan untuk mengasihani dunia yang menderita ini di mana Dia memilih untuk tinggal sebagai salah seorang daripada kita.

- Semoga Dia mencurahkan khazanah cahaya dan kasih sayang-Nya, supaya du-

nia kita, yang meskipun maju ke hadapan tetapi berperang, mempunyai jurang sosio-ekonomi, dan penggunaan teknologi yang mengancam kemanusiaan, kita masih boleh mendapatkan semula perkara yang paling penting dan perlu: hati-Nya.” (No. 31).

- “Kristus menunjukkan kedalaman kasih-Nya kepada kita bukan dengan kata-kata yang berjela tetapi dengan tindakan yang konkrit.

- Dengan meneliti interaksi-Nya dengan orang lain, kita dapat menyedari cara Dia memperlakukan setiap seorang daripada kita. Sekarang marilah kita beralih ke tempat di mana iman kita dapat menemui kebenaran ini iaitu firman Tuhan.” (No. 33).

- “Jika kita merasa sukar untuk mempercayai orang lain kerana kita telah disakiti oleh pembohongan, kecederaan, dan kekecewaan, Tuhan berbisik di telinga kita: “Teguhkan hatimu, anakku!” (Mat 9:22). Dia menggalakkan kita untuk mengatasi ketakutan kita dan menyedari bahawa, dengan Dia di sisi kita, kita tidak akan malang.” (No. 37).

- “Apabila kita merasakan bahawa semua orang mengabaikan kita, bahawa tiada siapa yang mengambil berat apa yang berlaku kepada kita, bahawa kita tidak penting kepada sesiapa pun, Dia tetap mengambil berat tentang kita” (No. 40).

- “Dia amat prihatin terhadap kita, Yesus mengetahui setiap niat baik kita dan perbuatan amal kecil kita.

- Injil menyatakan bahawa Dia “melihat seorang janda miskin memasukkan dua keping wang tembaga” ke dalam peti simpanan Bait Suci (Luk 21:2) dan segera memberitahu hal ini kepada murid-murid-Nya. Betapa bahagianya apabila mengetahui bahawa,



Imej menunjukkan Yesus memperlihatkan Hati Kudus-Nya kepada Santa Margaret Mary Alacoque

walaupun orang lain tidak menyedari niat atau tindakan kita yang baik, Yesus melihatnya dan sangat menghargainya. (41).

- “Sto Augustine mengatakan pengabdian kepada Hati Kudus sebagai tempat pertemuan peribadi kita dengan Tuhan. Bagi Augustine, pihak Kristus yang terluka bukan sahaja sumber rahmat dan sakramen, tetapi juga simbol kesatuan intim kita dengan Kristus, tempat pertemuan cinta. Dalam pengabdian kepada Hati Yesus, kita dapati sumber kebijaksanaan yang paling berharga, iaitu pengetahuan tentang Dia.” (No.103).

- “Kristus meminta kita untuk tidak pernah malu untuk memberitahu orang lain, tentang persahabatan kita dengan Dia. Dia meminta agar kita berani memberitahu orang lain betapa baik dan indahny pertemuan kita dengan-Nya” (No. 211).

- “Sisi Kristus yang terluka terus mengalirkan aliran yang tidak pernah habis, tidak pernah kering dan berlalu, malah mena-

warkan dirinya berkali-kali kepada semua orang yang ingin mengasihinya seperti Dia. Kerana hanya cinta-Nya yang dapat melahirkan manusia baharu” (No. 219).

- “Penderitaan kita ada kaitan dengan ego kita sendiri. Kerendahan hati Kristus menunjukkan kita ke arah jalan kerendahan hati. Tuhan memilih untuk datang kepada kita dalam kerendahan hati dan “kekecilan”.

Perjanjian Lama, melalui pelbagai metafora, telah menunjukkan kepada kita bahawa Tuhan berkarya dalam sejarah dan membiarkan diri-Nya ditolak oleh umat-Nya. Kasih Kristus ditunjukkan di tengah-tengah kehidupan sehari-hari umat-Nya.

Apabila Dia berkata, “Belajarlah daripadaku, kerana Aku lemah lembut dan rendah hati” (Mat 11:29), Dia menunjukkan kepada kita bahawa “kita perlu merendahkan hati dan “kecil” untuk mengenali Dia.” (220). [www.vatican.va/content/francesco/en/encyclicals/documents/20241024-enciclica-dilexit-nos.html](http://www.vatican.va/content/francesco/en/encyclicals/documents/20241024-enciclica-dilexit-nos.html)

## Tinjau kembali sikap kita terhadap yang miskin

Dalam perayaan Ekaristi hari Minggu ini, dalam pembacaan pertama dari Perjanjian Lama dan dalam Injil Markus, memperkenalkan kita kepada dua orang janda, yang yakin murah hati dan memiliki iman mendalam.

Ibaratnya kedua-dua wanita janda itu mengundang kita untuk meninjau kembali pengertian dan sikap kita terhadap kaum miskin dan pengertian kita tentang kemiskinan.

Dalam pembacaan pertama, ia menyebut mengenai Nabi Elia. Nabi adalah pewarta sabda Tuhan. Nabi Elia diutus melaksanakan sabda Tuhan yang menugaskan dia pergi ke Sarfat, yang ertinya “tempat percubaan” iaitu daerah orang-orang yang anti Tuhan bangsa Israel.

Walaupun begitu besar risiko yang dihadapi Elia di Sarfat untuk memasuki daerah anti-Tuhan itu, Elia bersedia melakukannya.

Di Sarfat itu juga, si janda miskin itu mendengarkan dan melaksanakan perintah Elia untuk mencari makanan baginya, seperti Elia juga yang mendengarkan dan melaksanakan apa yang diperintahkan Tuhan kepadanya. Mengapa?

Kerana janda itu juga yakin akan kekua-

saan Tuhan, yang akan memberikan kepada Elia, kepada anaknya dan dirinya apa yang dibutuhkan untuk hidup mereka!

Apa pesan Kitab Perjanjian Lama itu kepada kita? Berkat kesediaan dan kemurahan hati si janda, dan berkat kesetiaan Elia kepada perintah Tuhan, maka Tuhan meneguhkan kepercayaan Nabi Elia, memperkuat kemampuannya untuk melaksanakan tugasnya.

Dan Tuhan juga menggunakan Elia untuk menjaga dan memenuhi keperluan hidup si janda dan anaknya.

Dalam pembacaan Injil, Yesus memuji sumbangan si janda miskin. Ternyata bahawa ukuran yang harus dipakai untuk menilai “besar” atau “kecil”nya sumbangan, pemberian bahkan persembahan kita sungguh berbeza dengan ukuran Yesus.

Nilai suatu sumbangan bukan dilihat dari berapa besar atau berapa banyaknya yang kita persembahkan kepada Tuhan, atau misalnya berapa banyak kita berikan semasa kolekte dalam Misa.

Perhatikan, berapa ramai umat masa kini yang hanya memberikan “sisa” belanja kepada Gereja.

Si janda miskin dalam pembacaan Injil hari ini kehilangan suaminya dan kehilan-

gan tempat bergantung.

Hidup si janda pada zaman itu, bergantung pada kebaikan sanak saudara atau dari salah seorang yang bersedia membantunya.

Wang dua peser yang dimiliki si janda itu merupakan seluruh miliknya. Dia bergantung sepenuhnya pada rahmat Tuhan. Si janda itu miskin tetapi imannya dan kepercayaannya terhadap belas kasihan Tuhan sungguh tebal.

Yesus tidak pernah mengutuk orang kaya. Dia hanya menegaskan, bahawa sukarlah bagi orang kaya memasuki Kerajaan Tuhan.

Apakah Yesus memuji si janda yang menghabiskan miliknya yang begitu kecil untuk Bait Tuhan?

Apakah Yesus mau membuat orang miskin sebagai tokoh ideal? Apakah Yesus menganjurkan supaya semua orang menjadi miskin?

Secara umumnya, tidak ada orang yang ingin hidup hanya atas pemberian orang lain. Apakah wang memang hanya bertujuan untuk disimpan dalam bank dan bukan digunakan untuk memenuhi tujuan adanya wang itu? Apakah wang tidak lebih baik digunakan untuk membantu orang lain?

Untuk memberi makan kepada orang

**HARI MINGGU  
BIASA KE-32**

**TAHUN B**

**1 RAJA 17:10-16**

**IBRANI 9:24-28**

**INJIL MARKUS 12:38-44**

lapar; menyembuhkan orang sakit; memberi tempat tinggal atau rumah yang lebih memerlukan; untuk membangun masyarakat yang warganya saling menghargai dan menghormati secara lebih manusiawi, tanpa perbezaan begitu besar?

Si janda miskin dalam pembacaan pertama dan Injil, adalah teladan seseorang yang memiliki iman/kepercayaan yang berlandaskan pada kasih kepada Tuhan.

Mereka memberi pesan kepada kita, bahwa suatu ketergantungan bukanlah untuk menekan atau menghilangkan harapan, melainkan dapat membimbing kita untuk hidup dengan tenang, sungguh gembira dan penuh rasa syukur.

Semoga kisah dua orang janda miskin itu membantu kita untuk menyedari kebaikan Tuhan kepada kita dan mengutamakan keperluan orang lain, khususnya mereka yang miskin, terabai, para pelarian dan pendatang. **Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm.**

# Forum Sister IJ Asia, panggilan jadi rasul sukacita Injil

PULAU PINANG: Forum para Sister Infant Jesus (IJ) Asia dan rakan-rakan Rasul Awam telah mengadakan perhimpunan ketiga mereka di Pulau Pinang dari Oktober 17-22, 2024.

Forum itu mengangkat tema, “Jikalau engkau tahu tentang karunia Tuhan dan siapakah Dia yang berkata kepadamu: Berilah Aku minum! niscaya engkau telah meminta kepada-Nya dan Ia telah memberikan kepadamu air hidup (Yohanes 4:10).

Forum Asia itu dimulakan dengan nyanyian oleh koir Convent Datur Keramat, Pulau Pinang. Seramai 42 peserta dari Wilayah-wilayah di Malaysia, Jepun, Singapura, Thailand, dan Myanmar telah menghadiri acara tersebut, yang bertujuan untuk memupuk perpaduan, mendalami kerohanian IJ, dan menyahut seruan misi IJ.



Forum itu juga memberi peluang kepada para Sister IJ dan sahabat awam mereka untuk mendalami serta menghidupkan semula karisma IJ, memastikan ia kekal relevan dan bersemangat dalam realiti hari ini serta memberi inspirasi kepada pelayan mereka di pelbagai kerasulan.

Dalam forum itu, karya-karya mengagumkan para Sister IJ, yang meneruskan karya pendiri

kongregasi itu, Mother Mathilde Raclot khususnya dalam bidang pendidikan dan perkhidmatan.

Dengan inspirasi dan mengikuti jejak langkah Mother Mathilde, “anak-anaknya” di Asia khususnya di Malaysia, Singapura dan Jepun, telah mendirikan sekolah, pusat penjagaan anak yatim dan pusat perlindungan.

Uskup Pulau Pinang, Kardinal Sebastian Francis, menyebut para

Sister IJ sebagai “anak-anak perempuan kesayangan Sto Nicholas Barre di Asia”, telah melakukan pelbagai karya penginjilan yang hebat.

Katanya, para Sister IJ mengalami transformasi besar pada tahun 50-an dan 60-an, lebih lagi selepas Konsili Vatikan II, di mana kongregasi ini telah mengubah orientasi mereka untuk lebih mengutamakan golon-

gan miskin.

Gereja Asia/Universal adalah Kreatif, Inklusif dan Pembinaan Jambatan dan Visi, Misi dan Karisma Sisters IJ sesuai dengan ini dengan menjadi rumah dengan yang terakhir, paling tidak, sedikit, tersesat dan hina!

Kardinal Sebastian mencadangkan paradigma baru untuk Visi dan Misi Gereja, daripada Klerus, Religius dan rasul awam kepada Gereja Sinodal Rasul, Pengikut dan Umat Tuhan.

Katanya, “Kita semua dipanggil untuk menjadi Murid Misionari Sukacita Injil, Murid Belas Kasihan Bapa dan Harapan dalam Roh Kudus.”

Semua tetamu telah dihadiahkan dengan buku *Lessons from my School — The Journey of the French Nuns and their Convent Schools* yang dikarang oleh Chen Yen Ling.



## Kursus Intensif beri peluang 19 dibaptis dalam Gereja Katolik

LIMBAHAU: Dua paroki di daerah Papar bergabung menawarkan peluang bagi mereka yang telah lama berhasrat menyertai Inisiasi Kristian Dewasa namun terpaksa menangguhkannya kerana pekerjaan dan tanggungjawab lain.

Pada Oktober 21-24, paroki Holy Rosary Limbahau dan St Joseph menawarkan Kursus Intensif Pembaptisan (KIP) yang disertai 19 peserta dewasa yang datang dari pelbagai daerah di Sabah.

Menurut Pengerusi Penganjur, Katekis Marcel Simok, kursus tersebut merupakan inisiatif Msgr Nicholas Stephen, paderi paroki Papar. KIP direka khas untuk memberikan pemahaman mendalam tentang makna, tujuan dan amalan pembaptisan dalam tradisi Katolik.

Sepanjang tempoh empat hari tersebut, para peserta didedahkan kepada ajaran Kitab Suci, makna, kepentingan sakramen-sakramen dalam Gereja Katolik, serta implikasi kehidupan selepas pembaptisan.

Sesi katekesis disampaikan oleh Msgr Nicholas Stephen, Sr Liza Anggie FSIC, Sr Jadine D. Gutierrez FSIC, Fr Joshua Liew, Fr Lasius Gantis serta beberapa katekis yang berpengalaman.

Pada Okt 24, para peserta tersebut bersukacita menerima Sakramen Pembaptisan dan Komuni Pertama dalam Misa Kudus khas. Mereka yang telah dibaptis menyatakan rasa syukur yang mendalam atas peluang ini, menyifatkan kursus sebagai pengalaman rohani yang memperbaharui keimanan dan semangat mereka.

Carl Vincent Morison dari Papar amat bersyukur atas penganjuran kursus ini kerana beliau sudah merindukan pembaptisan dalam Gereja Katolik tetapi tidak dapat menyelesaikan kelas IKD kerana bekerja di luar Sabah.

Jescemela Mer Jamaing, yang datang dari Kudat untuk mengikuti kursus ini, meluahkan rasa syukur kepada Tuhan dan terima kasih paroki Limbahau dan Papar atas usaha penganjuran kursus. Katanya, panggilan Tuhan untuk dibaptis telah lama dirasainya, tetapi komitmen kerja sering menjadi halangan untuk mengikuti kelas IKD.

Baptisan baharu yang lain pula berharap KIP dijadikan program tetap dalam kalendar Gereja Katolik Keuskupan Agung Kota Kinabalu, kerana masih ramai yang menghadapi kekangan yang sama. **Filex Sumpogol**

KOTA SENTOSA : Seminar Hidup Baru dalam Roh dianjurkan khusus bagi calon Inisiasi Kristian Dewasa dan pelajar Sekolah Minggu di Gereja *Sacred Heart*, Kg Semeba, baru-baru ini.

Seramai 209 peserta mengalami pengalaman penyembuhan batin dan lebih mencintai Ekaristi selepas menyertai seminar yang dianjurkan oleh gabungan Jawatankuasa Pembentukan Iman Sacred Heart, komuniti *Bread of Life* (BOL) dan Komite Pembaharuan Karismatik Katolik (CCR), *Sacred Heart*.

Seminar dimulakan dengan Misa Kudus yang dirayakan oleh Fr Felix Au manakala Fr Paul Hu, CDD memimpin upacara penyembuhan kepada Sakramen Mahakudus.

Sesi-sesi seperti “Kedaulatan Yesus Kristus”, “Cinta Kasih Tuhan”, “Penyelamatan oleh Yesus”, “Penyembuhan Luka

## “Duri dalam daging” sembuh kerana kuasa Roh Kudus



Batin” dan “Hidup Baharu Dalam Roh Kudus” – memberikan pengalaman rohani kepada para peserta dan menyedarkan mereka bahawa hidup berpandukan Roh

Kudus adalah membahagiakan serta lebih indah. Seminar itu diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr John Chong. **Today’s Catholic**

## Dewan Kateketikal baharu Lahad Datu, bukti umat yang peduli

LAHAD DATU: Dewan Kateketikal baharu paroki St Dominic yang dimulakan lima tahun lalu, akhirnya telah siap dan dirasmikan oleh Uskup Sandakan,

Julius Dusin Gitom, tidak lama dulu.

Paderi paroki St Dominic, Fr Stanley Matakim mengungkapkan rasa syukurnya dan mengata-




kan bahawa bangunan baharu itu merupakan simbol komitmen dan semangat perpaduan umat paroki St Dominic. Beliau juga tidak lupa menyebut Fr Simon Kuntou, mantan paderi paroki Lahad Datu, memulakan projek tersebut.

“Dewan baharu Kateketikal ini membuktikan umat paroki Lahad Datu PEDULI dengan keperluan rohani di tempat ini,” kata Uskup Julius Dusin Gitom, yang mengunjungi paroki itu sempena lawatan pastoralnya.


Prelatus itu turut menghadiri majlis makan malam bagi merayakan para dermawan pembangunan Dewan Kateketikal dan keesokan harinya, Uskup Julius memimpin Misa Kudus bagi merayakan Ulang Tahun ke-72 paroki Lahad Datu.

# Sahabat kecil Yesus

Isikan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.



Mari Mewarna




Pada suatu kali Yesus duduk menghadapi \_\_\_\_\_ persembahan dan memperhatikan bagaimana orang banyak memasukkan wang ke dalam peti itu. Banyak orang kaya memberi jumlah yang besar. Lalu datanglah seorang janda yang miskin dan dia memasukkan \_\_\_\_\_ iaitu satu \_\_\_\_\_.

Maka dipanggil-Nya \_\_\_\_\_ dan berkata kepada mereka: "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya janda miskin ini memberi lebih \_\_\_\_\_ dari pada semua orang yang memasukkan uang ke dalam \_\_\_\_\_." Sebab mereka semua memberi dari kelimpahannya, tetapi janda ini memberi dari kekurangannya, semua yang ada padanya, iaitu seluruh \_\_\_\_\_.

(Markus 12: 41-44)

Berapa keping duit syiling yang dimasukkan oleh seorang balu miskin ke dalam peti persembahan?



Cari SEPULUH perbezaan pada gambar di bawah



Hello adik-adik,

Apa khabar? Adik-adik pembacaan pada hari Minggu ini mengisahkan tentang persembahan seorang janda miskin.

Dia hanya memberikan dua peser tetapi Yesus amat memujinya.

Mengapa? Kerana wanita itu memberikan seikhlasnya dan meskipun mungkin dua peser itu sahaja yang dia miliki, wanita itu tetap memberikan kepada rumah ibadat.

Ini menandakan bahawa wanita itu juga percaya kepada penyelenggaraan Tuhan.

Adik-adik, ingatlah, dalam memberi khususnya untuk Gereja, hendaklah kita jujur dan ikhlas. Tuhan tidak mengukur jumlah yang kita beri tetapi Dia melihat keikhlasan dan kejujuran kita. Semoga adik-adik dapat mempersembahkan pemberian dan bakat yang tulus buat Tuhan.

Antie Melly

# BELIA

## Ekaristi, puncak keselamatan karya Tuhan



KOTA SENTOSA, Sarawak: Menerima Ekaristi untuk pertama kalinya merupakan satu peristiwa penting dalam perjalanan iman seorang Katolik.

Dengan menerima Ekaristi, seseorang umat akan lebih memahami pengorbanan Kristus dan kasih-Nya yang tidak terbatas.

Baru-baru ini, seramai 318 pelajar Sekolah Minggu menerima Sakramen Komuni pertama dalam Misa yang dipimpin oleh Fr Felix Au dan Fr Paul Hu, CDD di Gereja Sacred Heart.

Dalam homilinya, Fr Felix Au menekankan kepentingan Ekaristi sebagai saluran rahmat

yang menghubungkan serta mengakraban umat beriman dengan Tuhan.

Beliau mengingatkan bahawa menerima Ekaristi bukan sekadar ritual sebaliknya ia merupakan perjanjian kudus yang mendekatkan kita kepada Kristus dan menguatkan kita untuk hidup setia sebagai pengikut-Nya.

Diharapkan, 318 penerima Komuni itu akan terus bertumbuh dalam iman dan mengambil bahagian secara aktif dalam kehidupan rohani khususnya di paroki Sacred Heart. **Today's Catholic**

## 'BANGUN' DAN IKUTLAH TUHAN SETIAP HARI

KUALA LUMPUR : Belia Gereja Divine Mercy, Shah Alam program *Rise Up*, yang membantu memantapkan iman belia dan menyegarkan iman mereka untuk mengikuti Yesus setiap hari.

Program yang diadakan di Dewan Faustina pada Oktober 12 itu, membolehkan belia memperkakan iman melalui cara yang lebih menyeronokkan.

Selain itu, para belia da-

pat belajar menjalinkan persahabatan dan menyedarkan mereka betapa penting untuk hidup serta berhubung dengan komuniti.

Disertai seramai 67 orang belia, dalam kalangan usia 18-35 tahun, mereka aktif menyertai dua sesi katekesis, pujian dan penyembahan serta permainan.

Ia diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr George Harrison.



## Mendidik kaum muda tolak rasuah

JAKARTA: Dalam usaha untuk menyokong pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah, Program Basiswa Yayasan Bhumiksara menganugerahkan bantuan kewangan kepada 30 orang muda dari universiti awam di seluruh Indonesia tahun ini. Yayasan Bhumiksara, sebuah badan amal Katolik yang komited untuk memupuk iman Kristian sambil menyumbang secara aktif kepada kemajuan masyarakat Indonesia.

Bhumiksara merupakan kata yagn berasal dari bahasa Sanskrit, bermaksud "garam dunia".

Program pemberian basiswa itu dikenali secara rasmi sebagai "Pemimpin Masa Depan" mula dijalankan sejak 2013, bertujuan 'memecahkan' halangan ekonomi bagi pelajar yang mahu meneruskan ke tahap pendidikan tinggi. Bukan sahaja menawarkan bantuan kewangan, Bhumiksara juga menekankan pembinaan sa-

siah, terutamanya integriti, disiplin diri dan komitmen, sebagai prasyarat menerima basiswa.

Baru-baru ini, sebahagian besar pelajar yang menerima bantuan basiswa, telah menghadiri retret tiga hari di Pusat Retret Sta Maria Guadalupe yang bertema "Bersama kita belajar, bersama kita bertumbuh dan bersama kita boleh melakukan perbezaan."

Para pelajar menyertai sesi tentang etika, kesihatan mental dan kepimpinan.

Dalam retret ini juga, para pelajar yang datangnya dari bandar seperti Medan, Makassar dan Denpasar berpeluang bertemu dengan pakar dalam psikologi, kerohanian dan sumber manusia.

Mereka juga ikut serta dalam bengkel mengenai antirasuah, isu kritikal yang memberi kesan kepada Indonesia di pelbagai peringkat dan menekankan prinsip teologi moral sebagai penyembuh penyakit sosial seperti

nepotisme.

Kesihatan mental merupakan topik baharu bagi ramai pelajar yang menghadiri retret itu.

Para peserta didedahkan bagaimana mengurus tekanan, mengiktiraf kesan psikologi tekanan sosial dan akademik, dan menangani stigma yang menyelubungi kesihatan mental di Indonesia. Penganjur berharap pelajar mengambil kemahiran praktikal untuk menguruskan isu ini.

Kadek Wina Dwi Hapsari, pelajar dari Bali, berkongsi pengalamannya selepas mengikuti retret itu.

"Saya mendapat banyak nilai positif daripada retret itu. Retret ini membantu saya menangani isu-isu yang rumit seperti rasuah," kata Kadek.

Beliau juga mengatakan dalam semua sesi, para peserta dibantu untuk berfikir secara kritis dan hubungan persahabatan mereka dikukuhkan melalui sesi perbincangan. [Licasnews.com](http://Licasnews.com)



## Berita ringkas dari Gereja sejagat

### Keluarga, kanak-kanak: Mangsa pertama perang

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus kesal dan berdukacita terhadap berita serangan Israel di Gaza dan Lubnan baru-baru ini. Katanya, "tiada siapa yang menang dalam peperangan; semua orang kalah." Secara khusus, Bapa Suci mengingati 150 orang yang terkorban dalam serangan udara di kawasan perumahan di Gaza.



Semasa memimpin audiensi minggunya di Dataran Sto Petrus pada Oktober 30, Sri Paus Fransiskus berdoa sekali lagi untuk menamatkan perang di seluruh dunia. Bapa Suci mengenang negara-negara yang dilanda

keganasan: "Ukraine yang martir, Palestine, Israel, Myanmar, Kivu Utara, dan banyak negara dalam peperangan." Tegasnya, tiada siapa yang menang dengan peperangan dan kedamaian adalah anugerah daripada Roh Kudus. **Media Vatikan**

### "Costume" syaitan, ahli sihir— akan goda kuasa jahat

MADRID: Fr Javier Ortega, seorang paderi di Keuskupan Alcalá de Henares, Sepanyol, berkata bahawa pakaian syaitan, ahli sihir dan orang mati yang biasanya dipakai untuk *Halloween* tidak disyorkan kerana "ia menggoda syaitan."

Dalam temu bual baru-baru ini



yang diterbitkan oleh keuskupan di laman webnya, Ortega meminta ibu bapa agar tidak membenarkan anak-anak mereka mengambil bahagian dalam perayaan ini dan, jika mereka mahu melakukannya, "berilah anak-anak berpakaian seperti orang kudus, elakkan pakaian seperti syaitan, orang mati dan ahli sihir."

Paderi itu juga menegaskan perayaan pagan *Halloween* "terdapat pengaruh kejahatan" malah ia merupakan "hari besar" untuk ahli syaitan. Sudah tentu, perayaan ini bukan perayaan agama Kristian!" **CNA**

### Biara Katolik Lubnan, beri perlindungan pelarian Islam

BEIRUT: Biara para *Sisters of Good Help* di Lubnan telah membuka pintunya untuk 800 orang yang telah kehilangan tempat tinggal akibat pengeboman Israel.

Menurut Yayasan Amal Kepausan *Aid to the Church in Need*, para suster berusaha menawarkan pelarian "bukan sahaja tempat perlindungan

tetapi kesejahteraan dan sokongan". 15 orang suster yang tinggal di biara itu tergolong dalam Gereja Katolik Greek-Melkite.

Beratus-ratus orang Lubnan, kebanyakannya beragama Islam, akibat keganasan perang yang semakin memburuk dalam beberapa minggu kebelakangan ini, berlindung di biara mereka. **CNA**

### Seoul labur labur \$4.9 bilion tingkatkan kadar kelahiran

SEOUL: Kerajaan bandar Seoul mengumumkan rancangannya untuk memperuntukkan 6.7 trilion won (AS\$4.9 bilion) dalam tempoh dua tahun akan datang bagi menyara keluarga dan menggalakkan kelahiran anak.

Langkah itu adalah sebahagian daripada usaha untuk mengatasi

kadar kelahiran rendah di Korea Selatan. Pelan baharu ini dibina berdasarkan projek terdahulu yang diperkenalkan pada bulan Februari, yang memberi tumpuan kepada mengurangkan keangan kewangan dan menyediakan sokongan menyeluruh untuk penjaga. **Licasnews.com**

### Gaji kardinal dipotong lagi

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus telah memutuskan untuk memotong semula gaji kardinal yang bekerja di Vatikan, berkuat kuasa November 1 yang lalu.

Maximino Caballero Ledo, ketua Sekretariat Ekonomi, memaklumkan para kardinal mengenai kepu-

tusan Bapa Suci dalam surat bertarikh Oktober 18.

Secara khusus, pemotongan gaji tersebut adalah dalam dua bidang: "bonus setiausaha" dan "pampasan pejabat", dua jenis elaun yang tidak lagi akan dibayar. **Media Vatikan**

### Gereja Katolik sambut perayaan dengan tradisi Hindu

KERALA: Sejak tahun 1982, sebagai tanda perpaduan antara agama, penganut Hindu telah membenarkan tradisi gajah untuk dimasukkan ke dalam pesta Gereja, tanpa sebarang insiden.

Biasanya, gajah hanya digunakan dalam perayaan kuil Hindu sahaja.

Namun, sebagai tanda perpaduan antara agama, menggunakan gajah dan gendang dari kuil Hindu dalam perayaan Katolik tahunan di Keuskupan Agung Thrissur, Kerala di mana hampir 10 ekor gajah yang membawa gambar Bunda Maria. **Aleteia**



# Bapa Suci bakal buka Pintu Suci di penjara Roma

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus akan membuka Pintu Suci di Penjara Rebibbia, Roma pada Disember 26 sempena Hari Raya Sto Stefanus.

Ia merupakan pintu kedua, dari lima Pintu Suci, yang akan dibuka oleh Bapa Suci sempena Tahun Jubli Harapan 2025, yang berlangsung dari Disember 24 hingga Januari 6, 2026, Hari Raya Epifani.

Pembukaan Pintu Suci di penjara Roma akan menjadi "simbol harapan untuk semua penjara yang tersebar di seluruh dunia," kata Msgr Rino Fisichella, Wakil Prefek Dikasteri untuk Evangelisasi.

"Pada tahun jubli ini kita dipanggil untuk menjadi tanda harapan yang nyata bagi begitu ramai saudara dan saudari yang hidup dalam keadaan sukar," kata

Mgr Fisichella kepada wartawan Oktober 28 yang memetik dekri Sri Paus Fransiskus, Mei 8, 2024 *Spes Non Confundit* (Harapan Tidak Mengecewakan).

Dekri itu juga menyebut cadangan Bapa Suci Fransiskus kepada kerajaan, "agar pada tahun jubli, kerajaan mengambil inisiatif yang memulihkan harapan, bentuk pengampunan atau pelepasan yang membantu orang ramai untuk mendapatkan semula keyakinan dalam diri mereka dan membantu mereka bersatu kembali dengan masyarakat."

Sepanjang Tahun Jubli Harapan 2025, Sri Paus Fransiskus juga menyeru pemerintah di seluruh dunia untuk melakukan inisiatif bagi memulihkan martabat para tahanan, seiring dengan komitmen menghormati undang-undang.

"Saya mengusulkan kepada pemerintah agar sepanjang Tahun Jubli Harapan, mereka mengambil inisiatif untuk memulihkan harapan, mengambil bentuk-bentuk amnesti atau pengampunan yang membantu para tahanan untuk kembali yakin terhadap diri dan kembali berintegrasi ke dalam masyarakat," ujar *bullas* itu lagi.

Menurut Msgr Fisichella, Itali ialah negara pertama yang menandatangani perjanjian "amnesti", September 11, 2024 dengan Vatikan, yang akan bermula pada Tahun Jubli Harapan.

Empat Pintu Suci yang akan dibuka pada Tahun Jubli Harapan ialah Pintu Basilika Sto Petrus, Basilika Agung Sto Yohanes Lateran, Basilika Maria Major dan Basilika Sto Petrus Di Luar Tembok. **CNA**

## Vatikan perkenalkan Luce, maskot ceria Tahun Harapan 2025

VATIKAN: Menjelang Jubli 2025, Vatikan telah melancarkan maskot kartun pada Oktober 28, sebagai "wajah" ceria Tahun Suci Gereja Katolik yang akan datang.

Maskot itu, bernama Luce — yang bermaksud "cahaya" dalam bahasa Itali — bertujuan untuk melibatkan generasi muda dan membimbing pelawat menjalani Tahun Suci.

Uskup Agung Rino Fisichella, ketua penganjur Vatikan untuk jubli, mengatakan maskot itu adalah sebahagian daripada matlamat Vatikan untuk terlibat dengan "budaya pop yang sangat digemari oleh anak muda kita."

Berbaju baju hujan kuning, berkasut but berlumuran lumpur, dan salib ziarah, misi Luce adalah untuk membimbing penziarah muda ke arah

harapan dan iman dengan anjingnya yang dipercayai, Santino.

Kerang berkilauan di matanya, mengingatkan kita akan lambang *Camino de Santiago*, lambang perjalanan ziarah.

Luce juga mempunyai "rakan-rakan ziarah" iaitu Fe, Xin dan Sky yang masing-masing dicipta dengan jaket berwarna cerah.

Warna kuning pada baju hujan kelasi Luce melambangkan warna bendera Vatikan dan baju hujan membawa erti perjalanan hidup yang dilanda hujan, ribut serta taufan.

Kasut but berlumpur pula erti perjalanan panjang dan sukar manakala tongkat, melambangkan ziarah menuju keabadian.

Simone Legno, pengasas bersama jenama Itali, budaya pop tokidoki, pereka



maskot Luce dan rakan-rakan ziarahnya mengatakan,

Katanya, "Saya sangat bersyukur dan gembira kerana Dikasteri untuk Evangelisasi yang terbuka kepada budaya pop." **CNA**

AUDIENSI UMUM MINGGUAN SRI PAUS FRANSISKUS

# Sakramen Penguatan bukan bukan ‘upacara terakhir’

ROMA: Sakramen Penguatan adalah kuria Tuhan dan pencapaian, bukan tanda tamat sekolah Minggu dan tidak perlu lagi ke Gereja. Bapa Suci Fransiskus mengatakan hal ini di hadapan ribuan penziarah di Dataran Sto Petrus pada Oktober 30.

Meneruskan siri katekesisnya tentang Roh Kudus, Sri Paus Fransiskus menekankan bahawa Sakramen Penguatan bukan “upacara terakhir” sebagai umat Katolik sebaliknya “permulaan penyertaan aktif dalam Gereja.”

“Orang ramai mengatakan bahawa ia adalah ‘sakramen bye bye’ kerana apabila orang muda telah mendapatnya, mereka akan pergi. Kita akan bertemu mereka kembali dalam sakramen perkahwinan.”

Bapa Suci mencadangkan agar umat awam “yang telah mengalami pertemuan peribadi dengan Kristus dan mempunyai pengalaman Roh, membantu calon Krisma agar mereka lebih bersedia menerima Penguatan yang merupakan sakramen Roh Kudus.”

Merefleksikan kisah penguatan orang Kristian pertama, yang dicatatkan dalam Kisah Para Rasul dan dalam surat kedua



Sto Paulus kepada orang Korintus, Sri Paus berkata bahawa Tuhan sendiri yang mengurus orang percaya.

“Dia telah meletakkan meterai-Nya kepada kita dan memberikan Roh di dalam hati kita,” katanya kepada orang ramai yang hadir di Dataran Sto Petrus.

Roh Kudus merupakan agen utama dalam Sakramen Penguatan, Ia adalah materai Kristus yang diurapi kepada umat-Nya dan materai itu bersifat kekal.”

“Sakramen Penguatan adalah untuk semua umat beriman seperti Pentakosta bagi seluruh Gereja.”

“Ia menguatkan penyatuan pembaptisan ke dalam Kristus dan Gereja, kepada

misi kenabian, raja, dan keimamatan,” tambahnya.

Bapa Suci juga menyatakan hasratnya agar umat Katolik “menghapuskan tabiat melepaskan diri” untuk menjadi “pembawa nyala Roh” dalam Tahun Jubli Harapan 2025 yang akan datang.

Menyebut tentang kemeriahan Hari para Kudus pada November 1, Sri Paus mengingatkan para penziarah bahawa mereka yang telah pergi sebelum ini, yang kini menikmati “kemuliaan syurgawi” dan “berada di sisi Bapa,” ingin turut berada dalam persekutuan dengan kita dan membimbing kita dalam perjalanan kami ke syurga. CNA

## Lima pelajaran menghadapi kritikan daripada Musa

Menjadi ketua, bukan selalunya tentang detik-detik gemilang. Kadangkala kita perlu berdiri teguh apabila kritikan melanda dari semua arah. Bagaimana Nabi Musa, salah seorang pemimpin yang selalu dicabar, menghadapi banyak rungutan, pemberontakan, dan kritikan yang berterusan semasa membimbing berjuta-juta orang melalui padang gurun?

Mari meneladani Nabi Musa yang bijak mengendalikan kritikan, mengubah cabaran sebagai peluang untuk pertumbuhan dan kepimpinan yang lebih baik.

### 1. Tetap Fokus pada Misi Yang Lebih Besar

Apabila berhadapan dengan kritikan, Musa tidak pernah melupakan matlamat utamanya iaitu memimpin orang Israel ke Tanah Perjanjian.

Walaupun ketika berhadapan dengan pemberontakan dan keluhan tentang makanan dan air di padang gurun, dia tetap teguh dalam misinya. Pengalaman ini mengajar pemimpin moden untuk mengekalkan perspektif apabila menghadapi kritikan.

Apabila ahli pasukan mengadu tentang perubahan atau proses yang mencabar, pemimpin yang baik harus berpegang para matlamat utamanya.

### 2. Memohon bimbingan Ilahi

Semasa orang ramai mengkritik dan tidak berpuas hati terhadapnya, Musa biasanya memohon bimbingan Ilahi sebelum mengambil tindakan.

Apabila menghadapi situasi yang mencabar, dia akan mengundurkan diri (retret) di Khemah Pertemuan, untuk memohon kebijaksanaan daripada Tuhan.

Musa sentiasa sedar, reaksi yang didorong oleh emosi sering membawa kepada keputusan yang dikesali. Pemimpin hari ini boleh belajar untuk meluangkan masa untuk merenung, berbincang dengan mentor, atau menjalani retret.

Mengambil masa atau berdiam diri, bukan tanda kelemahan kepimpinan tetapi menunjukkan kecerdasan emosi dan pemikiran strategik.

### 3. Berkongsi beban kepimpinan

Mengikuti nasihat bapa mertuanya Yitro, Musa membentuk sistem kehakiman dan mewakili wewenang. Ini bukan sahaja untuk meringankan beban kerja tetapi juga mewujudkan struktur kepimpinan yang lebih berkesan serta dapat memenuhi keperluan umat dan menangani keseimbangan mereka.

Kepimpinan moden memerlukan kebijaksanaan yang sama dalam membina pasukan yang kuat dan memberi kuasa.

Apabila pemimpin berkongsi beban, mereka dapat mencipta sistem yang boleh mengendalikan dan bertindak balas terhadap kritikan dengan lebih baik.

### 4. Kekalkan Kerendahan Hati

Kitab Suci menggambarkan Musa sebagai orang yang paling sederhana dan merendahkan hati di bumi. Apabila adik-beradiknya Miriam dan Aaron mengkritik perkahwinannya, dia tidak memperta-



hankan dirinya tetapi membiarkan Tuhan menangani situasi itu. Contoh ini menunjukkan kepada pemimpin moden bahawa kerendahan hati bukanlah kelemahan sebaliknya sebuah kekuatan untuk mendengar kritikan tanpa bersikap defensif dan kebijaksanaan serta bertindak, tanpa perlu berkata banyak.

### 5. Belajar daripada kesilapan

Peristiwa di Meriba berlaku apabila Tuhan mengarahkan Musa untuk bercakap dengan batu itu untuk mengeluarkan air.

Sebaliknya, dalam saat kekecewaan, Musa memukul batu dua kali dengan tongkatnya, yang membawa kepada akibat yang serius. Namun Musa menerima keputusan itu dan menyerahkan kepimpinan kepada Yosua, menunjukkan kerendahan hati dalam menghadapi kesilapannya.

Contoh hebat ini mengajar pemimpin bahawa tiada siapa yang sempurna. Ukuran sebenar kepimpinan bukanlah tidak pernah melakukan kesilapan, tetapi bagaimana kita mengendalikan dan belajar daripadanya.

PENULIS BERKICAU

## Komunikasi dari hati ke hati

“Saya mengimpikan komunikasi dari hati ke hati, yang menyentuh sifat kemanusiaan, dengan tragedi yang dialami oleh ramai saudara dan saudari kita. Saya mengimpikan satu bentuk komunikasi yang mengajar orang untuk melepaskan sedikit diri mereka untuk memberi ruang kepada orang lain; komunikasi yang bersemangat, ingin tahu, dan cekap, yang tahu bagaimana untuk menyelami dirinya dalam realiti untuk menceritakannya.”

Ini ialah Impian Sri Paus Fransiskus. Prelatus itu menyampaikan “mimpinya” kepada para pengamal media baru-baru ini di Vatikan.

“Saya bermimpi sebuah bentuk komunikasi yang boleh menghubungkan orang dan budaya. Saya mengimpikan satu bentuk komunikasi yang mampu berkongsi cerita dan testimoni dari setiap sudut dunia.”

Kata-kata dan impian Sri Paus ini, bukan hanya ditujukan kepada ahli-ahli profesional media tetapi semua umat Katolik, sama ada kita profesional atau tidak. Pada pendapat saya, kita semakin selesai dengan pelbagai sarana komunikasi. Oleh itu, mungkin kita dapat sama-sama bermimpi dan bertindak untuk sebuah komunikasi yang saling membangun, mendengar dan memberi ruang kepada orang lain.

Menurut Bapa Suci, komunikasi harus bertujuan untuk membina jambatan di mana ramai orang sekarang ini sedang membina tembok. Sebagai umat Katolik, kita diseru untuk memupuk komuniti. Banyak tragedi di dunia ini terjadi kerana sikap mengasingkan diri daripada komuniti, bersikap acuh tak acuh.

Bukankah Gereja mempunyai pelayanan khusus dalam komunikasi? Apa kaitannya dengan saya, orang awam? Tepatnya, sebagai umat yang dibaptis, kita dipanggil menjadi komunikator Katolik yang baik dengan identiti berikut: Jadi berdirilah tegap, berikat pinggangkan kebenaran dan berabajirahkan keadilan, kakimu berkasutkan kerelaan untuk memberitakan Injil damai sejahtera (Efesus 6:14-15).

Bapa Suci Fransiskus selalu berpesan kepada kita agar tidak takut untuk terlibat, berubah, belajar bahasa baharu atau menempuh jalan baharu, mendiami persekitaran digital. Sentiasa berbuat demikian tanpa membiarkan diri kita menjadi hamba kepada peralatan teknologi, selalu mengingati bahawa pertemuan dalam talian bukan pengganti hubungan manusia.

Injil adalah kisah pertemuan, tindakan, menukar cara hidup yang lebih baik, berbual dengan sesama. Lihat komunikasi berkesan antara Yesus dan wanita Samaria, dengan orang Samaria, dengan Nikodemus, dengan perempuan berzina, dengan Bartimeus yang buta. Yesus berbual dengan mereka dan orang-orang itu, bukan sahaja mengalami kesembuhan tetapi perubahan hidu yang ketara. Mereka menemui cinta dan belas kasih Tuhan!

Dalam ensiklik terbaharunya, *Dilexit Nox*, Bapa Suci mengatakan, hanya apabila kita menemui dan mengalami cinta kasih Yesus, kita menjadi mampu menjalin ikatan persaudaraan, mengenali maruah setiap manusia, dan bekerja bersama untuk menjaga rumah kita bersama” (DN, 217).

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.**  
Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada [editor1@herald.com.my](mailto:editor1@herald.com.my) atau menulis kepada kami: **Archdiocesan Pastoral Centre**, 5, Jalan Robertson, 50150, KL  
Tel / Whatsapp: 03-20268291

## Kursus Evangelisasi Peribadi kali kedua di Keuskupan Keningau

# Bagaimana Tuhan memanggil kita?

KENINGAU: Kursus Evangelisasi Peribadi (KEP) kembali lagi di Keuskupan Keningau untuk kali kedua. Keuskupan Keningau pertama kali mengadakan KEP pada Oktober tahun lalu, yang disertai lebih 70 orang peserta.

KEP ialah program pembinaan dan latihan bagi umat Katolik, yang diadakan dalam masa empat bulan, untuk lebih mengenal intisari Khabar Gembira secara peribadi, agar dapat mewartakan Kabar Gembira tersebut kepada orang-orang yang dijumpai dalam kehidupan sehari-hari.

Pembukaan KEP kali kedua ini diraikan dalam perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Msgr Gilbert Lasius di Dataran Keuskupan Keningau.

Msgr Gilbert dalam homilinya mengajukan soalan, "Bagaimanakah Tuhan memanggil kita? Adakah panggilan kita itu disimpan untuk diri sendiri



atau dikongsikan kepada sesama?

Jelasnya, "Melalui rahmat pembaptisan, kita menjadi anggota umat Tuhan, mengambil bahagian dalam misi Gereja dan menyertai misi Kristus Raja, Imam dan Nabi."

Sempena Hari Misi Sedunia ke 98, Msgr Gilbert mengingatkan para peserta KEP bahawa, "Apakah pelayanan kita dalam Gereja, biarlah ia menjadi sahutan konkrit kita kepada Yesus Kristus.

Pada masa kini, dalam konteks dunia moden, banyak cabaran berupa penyakit rohani (*Spiritual Sickness*) seperti kesombongan, kemalasan, ketamakan, pengaruh falsafah yang bertentangan dengan ajaran Gereja, sedang giat menghakis iman umat Tuhan.

Justeru, Tuhan mahu kita dimenangkan kembali oleh rahmat-Nya agar kita terbuka untuk kembali kepada kerajaan Bapa."

Bertepatan dengan tema KEP

kali kedua, "Mari ikutlah Aku, dan kamu akan Ku jadikan penjala manusia" (Mat 4:19), setiap kita mempunyai tugas untuk membawa "khabar baik" Tuhan kepada orang lain atau sesama kita," ujar Msgr Gilbert pada akhir homilinya.

Msgr Gilbert seterusnya memimpin upacara penyerahan Buku "Misi Evangelisasi" dan "*Evangelii Nutiandi*" serta pemberkatan para peserta

KEP pada akhir Misa Kudus. Bagi angkatan kedua KEP kali ini, seramai 85 peserta telah mendaftar. Kursus ini kekal dijalankan secara atas talian melalui aplikasi "Zoom" dan secara fizikal.

Bagi peserta yang memilih penyertaan secara fizikal, mereka menjalani kursus di Katedral St Francis Xavier. Kursus ini dijangka berakhir pada April, 2025. **Bernadine Sebastian**



## ABMA anjur retreat bertema sinodaliti

CHERAS: Dalam usaha memperkasa pelayanan pastoral dan merapatkan hubungan persaudaraan antara barisan pemimpin umat berbahasa Malaysia, *Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate* (ABMA) telah menganjurkan retreat bertemakan "Sinodaliti: Panggilan Pemimpin Umat Tuhan untuk Gereja" pada Oktober 19-20, yang lalu.

Seramai 100 orang pemimpin dari paroki yang mempunyai komuniti berbahasa Malaysia (KUBM) di Keuskupan Agung Kuala Lumpur menghadiri retreat yang diadakan di Gereja St Francis of Assisi, Cheras.

### Sinodaliti menuntut kepimpinan yang rendah hati

Sinodaliti, sebuah istilah yang semakin menonjol dalam Gereja Katolik sejak beberapa tahun terakhir, merujuk kepada perjalanan bersama para klerus, religius dan umat awam dalam iman dan pelayanan.

Uskup Agung Julian Leow, tidak dapat menghadiri secara fizikal retreat ini kerana berada di Vatikan bagi menghadiri sesi kedua Sinode tentang Sinodaliti.

Prelatus itu sempat menghantar video ucapannya yang mengingatkan bahawa para pemimpin dipang-

gil bukan hanya untuk memimpin, tetapi juga untuk mendampingi, mendengarkan, dan melibatkan diri secara aktif dengan umat.

Sinodaliti menuntut kepimpinan yang rendah hati, berjiwa besar, dan bersedia membuka ruang bagi penyertaan semua pihak, terutama mereka yang sering terabai.

### Melihat beban dari sudut positif

Pada hari pertama, para peserta diperkenalkan dengan konsep dan makna sinodaliti oleh Fr Mitchel Anthony, yang mengingatkan mereka bahawa perjalanan bersama dalam Gereja adalah satu panggilan yang memerlukan komitmen dan pengorbanan.

Sesi kedua, "Beban Seorang Pemimpin" oleh Sdri Rita Krishnan mengajak peserta untuk melihat beban dari sudut pandangan yang positif dan bersandar sepenuhnya kepada Yesus, sumber Kekuatan.

Retret itu juga memberi peluang kepada para peserta untuk saling mendoakan sesama melalui sesi pendoa rahsia, meditasi dan renungan Injil.

Waktu-waktu hening yang disediakan, memberi ruang kepada para pemimpin untuk merenungkan peranan mereka dan menden-

gar suara Tuhan.

Sebagai pemimpin umat, mereka diajak untuk bertanya pada diri sendiri: bagaimana mereka dapat lebih efektif dalam melayani Gereja dan umat?

### Perbualan Dalam Roh

Dalam sesi "Perbualan Dalam Roh" (*Spiritual Conversation*) yang dipimpin oleh Sdra Walter Victor, para peserta berkongsi pandangan dan idea bagaimana sinodaliti boleh diterapkan secara praktikal di paroki masing-masing.

Selain itu, terdapat juga cadangan untuk mengatasi cabaran komunikasi antara pemimpin dan umat, serta cara meningkatkan penyertaan umat dalam aktiviti-aktiviti Gereja.

### Pemimpin Gereja sebagai pendamping dan prihatin

Retret ini menjadi bukti komitmen ABMA untuk terus memperkukuhkan semangat sinodaliti dalam Gereja setempat

Selepas retreat tersebut, dengan semangat sinodal, para peserta menjadi lebih peka terhadap keperluan dan harapan umat, seterusnya membawa Gereja ke arah masa depan yang lebih inklusif dan saling menyokong. **Elena Woo**

## Gereja kecil di Merlimau sambut ulang tahun ke-100

MERLIMAU, Melaka: Gereja Kecil (Chapel) St James merayakan ulang tahun ke-100 pada Oktober 19, dengan Misa Kudus. Perayaan itu termasuk memberkati bangunan Gereja yang Baharu.

Perayaan Ekaristi dipimpin oleh Uskup Bernard Paul. Prelatus itu dibantu oleh pentadbir Chapel St James, Fr M. Alexuchelvam; mantan pentadbir Fr M. Devadasan, Fr Michael Goh SJ dari Melaka, Fr Jason Wong dari Muar, dan Fr James Rajendran dari Skudai.

Semasa upacara pemberkatan, pintu utama dibuka diikuti perarakan para klerus dan tujuh orang calon Krisma.

Dalam homilinya, Uskup Bernard menjelaskan bahawa chapel pada mulanya merupakan sebuah rumah, sebelum didirikan sebagai chapel pada tahun 1924 dan telah menjalani beberapa pengubahsuaian selama berta-

hun-tahun. "Sekarang Gereja Kecil ini berusia 100 tahun, masa depannya bergantung kepada anda. Tanpa kasih Tuhan dan Firman-Nya, Gereja tidak dapat berkembang maju," kata Uskup Bernard.

Fr Deva, mantan pentadbir chapel itu dari Februari 2019 hingga Julai 2024, memainkan peranan penting dalam membawa kembali umat Katolik menghadiri Misa di chapel selepas COVID-19. Paderi itu juga memantau penambahbaikan kemudahan chapel tersebut, termasuk pengubahsuaian dewan paroki dan kawasan kantin pada 2013. Pengubahsuaian terbaharu bangunan chapel itu bermula pada Jun 2024, menelan belanja RM194,000.

Umat paroki telah menyumbang RM150,000 dan dua orang dermawan telah menderma sebuah tabernakel baharu dari India dan patung *St James the Great*, yang diberkati oleh Uskup Bernard Paul.

